

Prinsip al-Qard al-Hasan

| | | |
|---|-----------------------------|--|
| -Pinjaman yang baik, ia merupakan keperihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan terhadap saudaranya | -lanya dikira sebagai riba` | -Islam mengha-ramkan sebarang bentuk pinjaman wang yang dikenakan faedah atau tambahan nilai |
|---|-----------------------------|--|

Dalil Pensyari`atan Qard al-Hasan

إِنْ تُقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يضاعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ

“Jika kamu meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik (qardan hasanan) nescaya Allah melipat-gandakan (pembalasannya) kepadamu dan mengampunimu” (At-Taghaabun:17)

Konsep pinjaman menurut perspektif Islam

-Menurut Islam, Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.

-Budaya suka berhutang sebegini amat ditegah oleh Islam kerana agama yang mulia ini menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengutamakan sikap qana'ah.

Rukun, hukum dan objektif pinjaman

Bahagian konsep pinjaman dalam Islam

| al-'Ariyah | al-Qard |
|---|--|
| - Pinjaman barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma | -Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan |
| -Pinjaman barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal misalnya kereta, telefon bimbit, baju dan buku | -Peminjam hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal. Misalnya, A memberi pinjaman RM1,000 kepada B. Selepas tempoh tertentu B dikehendaki memulangkan kembali nilai wang yang sama iaitu RM1,000 dan bukan memulangkan wang kertas yang asal |

Kesimpulan

-Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah atas daya usaha masing-masing

-Mereka diseru agar berhati-hati ketika membuat pinjaman kewangan agar tidak terjebak dalam kancah hutang yang bukan sahaja bertentangan dengan aspek perundangan negara malah melampaui batas--batas murni yang digariskan oleh Islam

-Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip alqard al-hasan

Pinjaman



Larangan Riba`

| Rukun | Hukum | Objektif |
|------------------------------------|---|--|
| 1. Pemiutang | -Sunat, memberi pinjam kepada yang memerlukan | -Membantu golongan yang memerlukan |
| 2. Penghutang | -Harus, berhutang untuk membebaskan diri dari | -Merapatkan jurang perbezaan di antara orang kaya dan miskin |
| 3. Barang atau harta yang dipinjam | | -Memupuk semangat persaudaraan |
| 4. Sighah | | |

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275:

Terjemahan: "Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba



By **Adilah**
cheatography.com/adilah/

Published 16th June, 2020.
Last updated 16th June, 2020.
Page 1 of 2.

Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
<https://apollopad.com>